

28 MAY 2003

TNB-Bonus

LEBIH 27,000 KAKITANGAN TNB TURUT NIKMATI BONUS SETENGAH BULAN

IPOH, 28 Mei (Bernama) -- Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji kepada lebih 27,000 kakitangannya seperti yang diterima hampir satu juta kakitangan awam.

Pengerusi TNB Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata bonus pertengahan tahun itu adalah sebagai menyahut langkah kerajaan memberi bonus kepada kakitangan kerajaan menerusi Pakej Strategi Baru Ekonomi.

Katanya kakitangan kontrak juga akan menerima bonus tersebut.

"Ini sebagai pendapatan tambahan kepada kakitangan TNB dan mereka boleh guna untuk perbelanjaan. Bonus tahunan pula akan kita lihat selepas kita buat penilaian pada hujung tahun," katanya kepada pemberita selepas perasmian Bangunan TNB Hulu Kinta oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Tuanku Bainun, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Presiden dan Ketua Eksekutif TNB, Datuk Pian Sukro.

Bonus setengah bulan gaji bagi kakitangan awam diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas bertujuan membantu meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat dan dijangka dibayar bulan depan.

Dr Mahathir juga menyarankan syarikat kerajaan yang menjangka mencatatkan keuntungan tahun ini supaya memberi insentif kewangan yang sama kepada kakitangan mereka.

Dr Awang Adek juga berkata tahap perkhidmatan TNB semakin meningkat dan ini terbukti apabila secara puratanya seorang pengguna elektrik hanya mengalami gangguan bekalan selama 99 minit sahaja tahun ini berbanding 120 minit tahun lepas dan 240 pada tahun 2001.

"Ini bermakna kurang dari dua jam setahun. Ini dapat kita capai dengan menaik taraf infrastruktur seperti pemasangan kabel bawah tanah yang mengurangkan gangguan," katanya.

Beliau berkata kos penukaran sistem bekalan talian atas 22kV kepada sistem 11 kV kabel bawah tanah yang menelan kos RM200 juta di Perak, hampir 50 peratus siap.

Selain itu, peruntukan sebanyak RM140.41 juta disediakan bagi melaksana 465 projek bekalan elektrik dan memperbaiki sistem sedia ada di Perak bagi tahun kewangan 2003.

Dr Awang Adek berkata Perak merupakan pembekal utama elektrik di Malaysia kerana ia adalah pembekal tenaga elektrik terbesar, iaitu 5,500 MW atau 35 peratus daripada jumlah penjanaan elektrik di negara ini.

Katanya TNB telah melabur RM7 bilion untuk membina Loji Janakuasa Manjung yang merupakan loji terbesar di Malaysia dengan keupayaan 2,100 MW menggunakan arang batu sebagai bahan api.

Loji lain ialah janakuasa hidro Chenderoh, Kenering, Bersia, Temenggor, Sungai Piah, Sultan Yusuf, Sultan Idris dan Segari yang dikendalikan pihak swasta.

"Jumlah penjanaan seluruh negara kini mencukupi dan kita mempunyai lebih 30 peratus. Jadi, kita tidak mempunyai rancangan untuk membina loji baru tetapi mungkin menaik taraf loji kecil," katanya.

Dr Awang Adek berkata Perak merupakan pengguna kelima terbesar elektrik dengan sejumlah 700MW bernilai RM1 bilion atau tujuh peratus daripada keseluruhan penggunaan.

-- BERNAMA

AR LAT

